



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 21 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	DR IRMOHIZAM DINOBAT CEO CHAMPION (SME)	
	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/10/1022046/dr-irmohizam-dinobat-ceo-champion-sme	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/irmohizam-terima-anugerah-ceo-champion-sme-442664	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2023/10/1167580/irmohizam-terima-anugerah-berprestij-ceo-champion-sme	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	PENUBUHAN MWKN BAGI MEMPERKASA WANITA DAN PERKUKUH KELUARGA	
	https://borakdaily.com/penubuhan-mwkn-bagi-memperkasa-wanita-dan-perkukuh-keluarga/	BORAKDAILY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	FATIMAH: SARAWAK YET TO ACHIEVE 1 PCT PWD WORKFORCE IN CIVIL SERVICE	
	https://www.theborneopost.com/2023/10/20/fatimah-sarawak-yet-to-achieve-1-pct-pwd-workforce-in-civil-service/	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PENGUATKUASAAN AKTA 611 PERLU LEBIH TEGAS	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/penguatkuasaan-akta-611-perlu-lebih-tegas/	UTUSAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	RISIKO PILIH TASKA MURAH TAPI TAK BERDAFTAR JKM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/630358/suara-sinar/analisis-sinar/risiko-pilih-taska-murah-tapi-tak-berdaftar-jkm	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	5,500 MURID BERKEPERLUAN KHAS DIBIMBING DALAM 3 BULAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1167626/5500-murid-berkeperluan-khas-dibimbing-dalam-3-bulan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	SHT ENGINEERING SUMBANG RM100,000 UNTUK TUJUAN PENDIDIKAN MELALUI YTSP DAN FCOEE	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/sht-engineering-sumbang-rm100000-untuk-tujuan-pendidikan-melalui-ytsp-dan-fcoee/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	UNESCO'S SEX EDUCATION MODEL CAN REDUCE BABY DUMPING, GOVT TOLD	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/10/20/unescos-sex-education-model-can-reduce-baby-dumping-govt-told/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/20/mo-del-pendidikan-seks-unesco-boleh-kurangkan-kes-buang-bayi-kerajaan-diberitahu/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	WANITA TIDAK SENONOH TAYANG PUNGGUNG, PAYUDARA DI SABAH	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/20/wanita-tak-senonoh-tayang-punggung-payudara-di-sabah/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	DANA PEMBANGUNAN WANITA MASIH KURANG DIBERI TUMPUAN	
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/10/1167258/dana-pembangunan-wanita-masih-kurang-diberi-tumpuan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	TAHAN SAKIT POTONG RUMPUT DEMI SARA ADIK OKU	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/20/tahan-sakit-potong-rumput-demi-sara-adik-oku/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	195 KANAK-KANAK MATI AKIBAT PENJAGA CUI – SITI KAMSI AH	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/195-kanak-kanak-mati-akibat-penjaga-cuai-siti-kamsiah/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	HAMPIR RACUN ANAK KERANA HIDUP SUSAH DICERAI SUAMI	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/20/hampir-racun-anak-kamariah-bangkit-usaha-ladang-pandan/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	HAS MALAYSIA'S GENDER RESPONSIVENESS FALLEN BEHIND?	
	https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2023/10/20/has-malaysia039s-gender-responsiveness-fallen-behind	THESTAR.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	SUPP WOMEN'S CHIEF URGES PUTRAJAYA TO SCREEN HOME-BASED BABYSITTERS AND SENIOR CITIZENS' CARETAKERS TOO	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/20/supp-womens-chief-urges-putrajaya-to-screen-home-based-babysitters-and-senior-citizens-caretakers-too/97410	MALAYMAIL.COM
	https://www.newsarawaktribune.com.my/supp-welcomes-babysitter-screening-proposal/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	https://dayakdaily.com/supp-women-chief-wants-fed-govt-to-screen-home-based-babysitters-elderly-caregivers-too/	DAYAKDAILY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
16	WANITA MCA HOLDS PRE-AGM 'HOMECOMING' DINNER	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/20/wanita-mca-holds-pre-agm-039homecoming039-dinner	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	BEG NGESONG MERUBAH KEHIDUPAN 15 WANITA	
	https://www.bharian.com.my/wanita/fesyen/2023/10/1167402/beg-ngesong-merubah-kehidupan-15-wanita	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	WCC 2023 PERKASAKAN WANITA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/630414/video/wcc-2023-perkasakan-wanita	SINARHARIAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	PEMBANTU KEDAI MENGAKU SALAH SIMPAN 19,011 VIDEO, GAMBAR LUCAH KANAK-KANAK	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/20/pembantu-kedai-mengaku-salah-simpan-19011-video-gambar-lucah-kanak-kanak/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/miliki-19011-video-gambar-pornografi-kanakkanak-pembantu-kedai-ubat-dipenjara-denda-442637	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1167356/simpan-19011-video-gambar-lucah-dalam-pendrive	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1021905/miliki-19011-bahan-lucah-kanak-kanak-lelaki-dipenjara-6-bulan	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/video/2023/10/pembantu-kedai-dipenjara-enam-bulan-miliki-gambar-dan-video-lucah-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2236748	BERNAMA.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/20/pembantu-kedai-miliki-19011-gambar-video-lucah-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/miliki-19011-video-gambar-pornografi-kanak-kanak-lelaki-dipenjara-enam-bulan-denda-rm2500-HC11649538	THESUNDAILY.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=AB0o4aXHHEg	YOUTUBE
	https://www.sinarharian.com.my/article/630420/berita/semasa/padah-miliki-lebih-19000-bahan-lucah-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	KANAK-KANAK LELAKI, DUA LELAKI TEMPATAN MAUT PIKAP TENGGELAM DALAM TASIK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/20/kanak-kanak-lelaki-dua-lelaki-tempatan-maut-pikap-tenggelam-dalam-tasik/	KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

21/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	RM10.8 JUTA SUBSIDI KANAK-KANAK DI 167 TADIKA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1167553/rm108-juta-subsidi-kanak-kanak-di-167-tadika	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	'ANAK BERTAMBAH BAIK, RINDU AHLI KELUARGA LAIN'	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1022034/anak-bertambah-baik-rindu-ahli-keluarga-lain	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	PENEMUAN MAYAT BAYI DALAM PAM TANDAS HOSPITAL, WANITA DAN TEMAN LELAKI DIREMAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1021887/penemuan-mayat-bayi-dalam-pam-tandas-hospital-wanita-dan-teman-lelaki	HMETRO.COM.MY
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/20/mayat-bayi-dalam-pam-tandas-pasangan-kekasih-direman/	FREEMALYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
24	DOKTOR BEKAS PEMPENGARUH TIKTOK URUS IBU, BAYI LAHIR DALAM TRELER	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/doktor-bekas-pempengaruh-tiktok-urus-ibu-bayi-lahir-dalam-treler/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
25	DUA BERANAK CEDERA DITETAK	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-beranak-cedera-ditetak-442671	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/630434/berita/semasa/dua-beranak-cedera-ditetak	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	LELAKI OKU DITEMUKAN MATI DI KEBUN KELAPA SAWIT	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/lelaki-oku-ditemukan-mati-di-kebun-kelapa-sawit/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	POLIS BURU SUSPEK SERANG DUA MANGSA TERMASUK WARGA EMAS	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/polis-buru-suspek-serang-dua-mangsa-termasuk-warga-emas/	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
28	PEMANDU LORI MENGAKU TIDAK BERSALAH ROGOL ANAK TIRI	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemandu-lori-mengaku-tidak-bersalah-rogol-anak-tiri-442623	ASTROAWANI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



**MALAYSIA
MADANI**

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
29	HASIL TANGAN 'ORANG LAMA' HASILKAN JALA TRADISIONAL	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1021897/hasil-tangan-orang-lama-hasilkan-jala-tradisional	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
30	SARAH DAEWOOD TRAUMA DIINTAI KETIKA MANDI	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/20/sarah-daewood-trauma-diintai-ketika-mandi/	KOSMO.COM.MY



TAJUK : SIMPAN BAHAN PORNOGRAFI KANAK-KANAK KENA PENJARA 6 TAHUN

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 21 OKT 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Simpan bahan pornografi kanak-kanak kena penjara 6 bulan

Teluk Intan: Seorang pembantu kedai ubat tradisional dijatuhi hukuman penjara enam bulan dan denda RM2,500 oleh Mahkamah Majistret semalam, kerana menyimpan 19,011 video dan gambar lucah kanak-kanak dalam pendrive miliknya.

Majistret T Ashvini menjatuhkan hukuman itu terhadap Liew Ming Hui, 24, selepas mengaku bersalah sejourus pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa mempunyai dalam milikannya suatu bahan pornografi kanak-kanak iaitu seunit kad

memori (pendrive) mengandungi video dan gambar kanak-kanak di rumah bernombor 19 Atas, Lorong 1, Jalan Besar, Rancangan Perumahan Awam (RPA) 2 Langkap, jam 4.20 petang, pada 29 Mei lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, pada 29

Mei lalu, polis merampas barangan kes iaitu seunit komputer riba jenama Acer, seunit adapter komputer riba jenama Liteon dan seunit pendrive jenama Kingston Datatraveler 100 G3-64GB.

Hasil pemeriksaan dan siasatan dilakukan mendapati, terdapat 19,011 dokumen membabitkan video dan gambar pornografi kanak-kanak di dalam pendrive milik tertuduh.

Rayu ringan hukuman

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Izzudin Fakri Hamdan, manakala tertuduh di-

wakili peguam Jude Pereira.

Terdahulu, Pereira merayu anak guamnya dikenakan hukuman ringan berbentuk denda dengan alasan tertuduh anak tunggal yang membantu perniagaan kedai ubat tradisional milik bapanya dan sudah insaf, selain ia kesalahan pertama tertuduh.

Bagaimanapun, Izzudin Fakri memohon mahkamah mengenakan hukuman yang dapat memberi pengajaran kepada tertuduh dan orang ramai.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara enam bulan dan denda RM2,500 terha-

dap tertuduh, jika gagal membayar denda tambahan lima bulan penjara. Tertuduh membayar denda berkenaan.

Pereira memohon penggantungan pelaksanaan hukuman sementara rayuan, namun mahkamah tidak membenarkan dan menetapkan tertuduh menjalani hukuman penjara bermula disabitkan bersalah hari ini.

Terdahulu, mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin selepas majistret berpuas hati dengan hujahan balas Izzudin Fakri terhadap rayuan Pereira.



TAJUK : **BEG NGESONG COME LOTE**

HARI : **SABTU**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **21 OKT 2023**

M/SURAT : **12**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Bernama

Bachok

Persalinan batik Kelantan dengan motif bunga ketam guri dan bunga telang yang menjadi identiti dan sinonim dengan negeri Cik Siti Wan Kembang sentiasa mendapat permintaan tinggi peminat produk kraftangan berasaskan batik.

Selain baju, produk kraftangan berasaskan batik turut dihasilkan dalam bentuk tali leher, alas meja serta banyak lagi.

Melihat potensi besar produk kraftangan, 15 wanita dari kampung sekitar Jelawat dan Gunong di sini, mencipta kelainan apabila menghasilkan beg dengan motif batik Kelantan.

Pengurus projek 'beg ngesong' Rozana Mat Radzi, 44, berkata, penghasilan beg batik itu bermula dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu apabila mereka sepakat mencari sumber pendapatan alternatif.

"Sebagai permulaan kami bekerjasama dengan Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan di bawah program kemahiran komuniti, mereka tampil beri bantuan seperti rekaan beg, latihan dan bahan mentah kepada kami yang terdiri daripada 10 tukang jahit dan lima lagi yang menguruskan kerja seperti pembungkusan dan lain-lain.

"Lebih menarik 10 tukang jahit terbahit sebenarnya tidak pernah menghasilkan beg, sebaliknya mereka hanya tukang jahit baju namun atas usaha gigih kini mampu mengeluarkan produk kraftangan berupa beg batik komersial yang mendapat permintaan tinggi," katanya ketika ditemui di Bengkel Beg Ba-

BEG NGESONG COME LOTE

10 tukang jahit jana pendapatan tambahan hasil kraftangan cantik daripada batik



ROZANA menunjukkan sebahagian beg dengan motif batik Kelantan yang dihasilkan di Bengkel Beg Batik Ngesong di Kampung Bukit Chenda, Gunong.

beg Ngesong di Kampung Bukit Chenda, Gunong di sini, baru-baru ini.

Ditanya mengenai maksud beg ngesong, Rozana berkata, nama terbahit diilhamkan seorang peserta, Che Sahara Che Ya, 49, yang mengendalikan bahagian pengurusan projek terbahit.

"Song dalam dialek Kelantan bermaksud sesuai atau padan. "Di sekitar kawasan Gunong dan Jelawat pula 'song' atau 'ngesong' mempunyai maksud sama, jadi kami pilih beg ngesong se-

bagai jenama produk kraftangan ini," katanya.

Bercerita lanjut, Rozana yang juga bertindak sebagai pegawai pemasaran beg

ngesong berkata, mereka menghasilkan lebih 15 beg batik seperti beg duit syiling, pau, beg jinjing, beg fail, beg komputer riba dan beg beli-belah.

Katanya, beg itu dijual pada harga bermula RM3 hingga RM95 bergantung kepada jenis dan saiz.

"Ada tiga bahan utama menghasilkan beg iaitu kain batik, kain alas sama ada kain kapas atau PVC

dan juga zip. Kebiasaannya beg disiapkan dalam tempoh sehari bergantung kepada jenis dan saiz.

"Batik diperoleh daripada usahawan sekitar Kelantan, kebiasaannya apabila menerima tempahan beg kami berbincang dengan pihak Kraftangan siapa yang menjadi pembekal batik," katanya.

Menurut Rozana ketika ini beg ngesong dihasilkan berdasarkan tempahan diterima seperti daripada jabatan kerajaan.

"Sebagai contoh apabila kami terima tempahan 500 beg yang perlu disiapkan dalam tempoh seminggu, kami panggil peserta datang ke bengkel dan mu-



BEG ngesong dengan motif bunga ketam guri dan bunga telang menjadi identiti dan sinonim dengan negeri Cik Siti Wan Kembang.



ROZANA meneliti kemas sebahagian produk yang siap dijahit sebelum dipasarkan.



ROZANA (kiri) memantau kerja penghasilan beg.

lakan tugas masing-masing seperti potong batik, gam dan seterusnya menjahit," katanya.

Bagi Nor Elina Mat Daud, 40, projek beg ngesong merubah kehidupannya apabila kini mempunyai pendapatan sampingan lebih baik.

"Dahulu saya cuma ambil upah menjahit pakaian tempahan pelanggan, pendapatan ala kadar, tetapi sejak menyertai projek beg ngesong ini ada pendapatan lebih baik, ada duit belanja untuk diri sendiri selain dapat bantu suami," katanya.

“10 tukang jahit terbahit sebenarnya tidak pernah hasilkan beg”
Rozana



TAJUK : BELUM CAPAI SASARAN 30%

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 21 OKT 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

PEMBABITAN WANITA DI PERINGKAT PEMBUAT KEPUTUSAN DALAM SEKTOR SWASTA

BELUM CAPAI SASARAN 30%

Bernama

Kuala Lumpur

Wanita yang memegang jawatan di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam kini mencapai 38.8 peratus.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy (gambar) Shukri bagaimanapun berkata, sasaran 30 peratus wanita memegang jawatan di peringkat pembuat keputusan dalam sektor swasta dan korporat belum dicapai setakat ini.

Katanya perkara berke-

naan antara isu dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Wanita dan Keluarga Negara (MWKN) yang julung kali diadakan pada tahun ini.

Nancy berkata, mesyuarat itu menumpukan aspek dan inisiatif dalam menggalakkan golongan wanita kembali bekerja bagi menjayakan sasaran 60 peratus penyertaan tenaga kerja kaum hawa dalam pasaran tenaga buruh yang digariskan Kerangka Ekonomi Madani.

"Kalau dibanding dengan Singapura, golongan wanita bekerja lebih 70 peratus, jadi kita mahu capai tahap

tinggi, tetapi kita perlu bersokongan dalam serba-serbi terutama sekali gaji," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini, semalam.

Nancy berkata, mesyuarat itu turut membincangkan pandangan dan cadangan mengenai pelaksanaan inisiatif lanjutan pengecualian cukai bagi wanita yang kembali bekerja hingga 31 Dis 2027 seperti diumumkan dalam Belanjawan 2024.

Ini termasuk cadangan had pengecualian cukai pendapatan ke atas elaun penjagaan anak diterima pekerja atau dibayar terus

oleh majikan kepada pusat jagaan kanak-kanak di naikan kepada RM3,000.

Beliau berkata, sebagai langkah menggalakkan wanita kembali bekerja, Kementerian melaksanakan reformasi dari sudut undang-undang melalui Akta Antigangguan Seksual 2022 bagi melindungi golongan itu seterusnya memberi keyakinan diri kepada mereka.

Nancy berkata, mesyuarat membincangkan pelaksanaan dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan 2022-2025 di Peringkat Ne-

geri oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Mesyuarat disertai Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Aiman Athirah Sabu, Ketua Setiausaha Pembangunan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Dr Maziah Che Yusoff, wakil agensi di bawah kementerian berkenaan serta wakil kementerian lain.





TAJUK : **DITUDUH DUA KALI NODA ANAK TIRI**

HARI : **SABTU**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **21 OKT 2023**

M/SURAT : **13**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

DITUDUH DUA KALI **NODA** ANAK TIRI

Drebar lori mengaku tidak bersalah diizin ikat jamin RM20,000

Oleh Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Butterworth

Seorang pemandu lori mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan merogol anak tirinya dalam kejadian 2018 dan 2019 lalu.

Tertuduh berusia 29 tahun membuat pengakuan itu selepas kertas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa merogol anak tirinya yang ketika itu berusia 10 tahun yang perhubungan itu tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama, adat dan kebiasaan untuk berkahwin.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah kediaman di Changkat, Nibong Tebal jam 11 malam pada Disember 2018.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa merogol anak tirinya yang ketika itu berusia 11 tahun pada 2019, jam 9 pagi di lokasi sama.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara antara lapan hingga 30 tahun dan tidak kurang 10 sebatan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Wan Amira Ruzaini Wan Abdul Razak manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



TERTUDUH diiringi anggota polis hadir di Mahkamah Sesyen Butterworth di sini, atas dua pertuduhan merogol anak tirinya dalam kejadian 2018 dan 2019 lalu. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

Pihak pendakwaan memohon supaya tiada sebarang jaminan ditawarkan memandangkan tertuduh difahamkan tinggal sebumbung dengan mangsa yang ketika ini berusia 15 tahun.

Bagaimanapun, tertuduh merayu supaya jaminan di-

berikan dengan alasan dia menanggung keluarga termasuk tiga anak berusia lima bulan hingga tiga tahun.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan.

Selain itu, tertuduh turut dikenakan syarat tambahan dengan dia dilarang mendekati dan mengganggu mangsa serta saksi sehingga kes selesai selain perlu tinggal berasingan daripada mangsa.

Kes akan disebut semula pada 21 November depan.



TAJUK :	KOD SUKAN SELAMAT KEKANG KES BULI, GANGGUAN SEKSUAL		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	HARIAN METRO
TARIKH :	21 OKT 2023	M/SURAT :	11
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Kod Sukan Selamat kekang kes buli, gangguan seksual

Seremban: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan penggunaan Kod Sukan Selamat dalam kalangan jurulatih dan pelajar terbabit dalam aktiviti sukan bagi memastikan tiada kes buli dan gangguan seksual berlaku.

Timbalan Menteri, Lim Hui Ying, berkata penerapan kod itu dibuat untuk memastikan ekosistem sukan selamat bagi anak ketika bersukan termasuk gangguan seksual dan buli.

Katanya, kod itu terpakai untuk semua jenis kejahatan sukan di peringkat KPM.

"Sepertimana diumumkan semasa Majlis Pelancaran Takwim Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) 2023 pada 15 Februari lalu, Kod Sukan Selamat juga digunakan dalam Kejohanan MSSM tahun ini dan kami bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Ini kerana kita mahu anak berasa selamat dan sihat,

bukan sahaja di sekolah, tapi juga ketika menyertai aktiviti atau kejohanan sukan.

"Ibu bapa hantar ke sini kerana bakat mereka jadi kita (KPM) bertanggungjawab pastikan keselamatan mereka," katanya selepas merasmikan Majlis Penutup Kejohanan Olahraga MSSM Kali ke-63, di Sta-

dium Tuanku Abdul Rahman, Paroi, semalam.

Kod Sukan Selamat diperkenalkan KBS sebagai panduan dan rujukan kepada semua komuniti sukan mengenai skop sukan selamat dan tanggungjawab dalam pelaksanaan aktiviti sukan khususnya membabitkan atlet kanak-kanak.


Dalam pada itu, Lim berkata, sukan bukan sahaja kepada usaha melahirkan anak baik lagi cerdas (ABC) malah berfungsi sebagai ejen perpaduan berikutan ia membabitkan semua kaum sekaligus memupuk kebersamaan dalam kalangan pelajar.

Katanya, menerusi kerjasama erat dengan Majlis Sukan Negara (MSN), Institut Sukan Negara (ISN) dan Persatuan Sukan Kebangsaan, peluang atlet murid KPM terus menyinar

di arena sukan semakin luas bermula dari peringkat sekolah.

"Bermula dengan latihan serta bimbingan diberikan jurulatih Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah di 612 Pusat Latihan Daerah seluruh negara, atlet berpeluang meneruskan latihan di 15 sekolah sukan negeri dan lima sekolah sukan Malaysia seterusnya mengikuti program Pelapis Kebangsaan dan Program Podium di bawah pengerusan MSN," katanya.

**“
Kod itu terpakai
untuk semua jenis
kejohanan sukan
di peringkat KPM
Lim Hui Ying**



TAJUK : POLIS JEJAK WANITA

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 21 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

POLIS JEJAK WANITA

Bantu siasatan kes gambar tular berkelakuan tidak senonoh di tempat awam

Oleh Juwan Riduan
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Seorang wanita diminta tampil untuk membantu siasatan berkaitan gambar tular berkelakuan tidak senonoh termasuk menunjukkan payudara dan punggungnya di tempat awam.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu Asisten Komisioner Mohd Zaidi Abdullah berkata, pihaknya mengesan empat keping gambar wanita yang berkelakuan tidak senonoh di tempat awam iaitu di Jalan Gaya Street di sini, jam 5.20 petang kelmarin.

Menurutnya, berdasarkan gambar tular itu didapati dua daripadanya dirakam pada di malam hari dengan memaparkan seorang wanita menunjukkan perbuatan yang tidak senonoh seperti menunjukkan payudara serta punggungnya.

"Dua lagi gambar yang dirakam pada siang hari pula memaparkan seorang wanita hanya berpakaian dalam di kawasan terbuka di sekitar Jalan Gaya di sini.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 294(a) Kanun Keseksaan juga Seksyen 233 Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)," katanya dalam satu kenyataan media.

Sehubungan itu, Mohd Zaidi memohon kerjasama orang ramai yang mengenali individu terbabit untuk menghubungi pegawai penyiasat Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Kinabalu Inspektor



DUA foto wanita bergambar pada waktu malam tidak menutup payu dara dan punggung.

Nur Hatim Amera Mohd Khir di talian 011-12939436. "Orang ramai juga bo-

leh menghubungi balai polis berhampiran untuk membantu siasatan," katanya.



TAJUK : SIMPAN RIBUAN PORNOGRAFI KANAK-KANAK

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 21 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



TERTUDUH dipenjarakan enam bulan dan denda RM2,500 selepas mengaku bersalah menyimpan 19,011 video dan gambar lucah kanak-kanak dalam pemacu kilat. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI

Oleh Muhamad
Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Teluk Intan

Seorang pembantu kedai ubat tradisional dijatuhi hukuman penjara enam bulan dan denda RM2,500 selepas mengaku bersalah menyimpan 19,011 video dan gambar lucah kanak-kanak dalam pemacu kilat miliknya di Mahkamah Majistret Teluk Intan di sini, semalam.

Majistret T Ashvinii menjatuhkan hukuman itu terhadap Liew Ming Hui, 24, selepas mengaku salah sebaik saja pertuduhan dibacakan kepadanya.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa mempunyai dalam miliknya suatu bahan pornografi kanak-kanak iaitu satu unit kad memori yang mengandungi video dan gambar membabitkan kanak-kanak di Rumah Nombor 19 Atas, Lorong 1, Jalan Besar, Rancangan Perumahan Awam (RPA) 2 Langkap, jam 4.20 petang, 29 Mei lalu.

Bagi pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792)

SIMPAN RIBUAN PORNOGRAFI KANAK-KANAK

Pembantu kedai mengaku salah dijel 6 bulan

yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, pada 29 Mei lalu, polis merampas barang kes berbentuk satu unit komputer riba jenama Acer, Model Z5WAH, satu unit adapter komputer riba jenama Liteon dan satu unit pemacu kilat jenama Kingston Datatraveler 100 G3-64GB.

Hasil pemeriksaan dan siasatan polis mendapati terdapat 19,011 dokumen membabitkan video dan gambar kanak-kanak pornografi di dalam

pemacu milik tertuduh.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Izzudin Fakri Hamdan manakala tertuduh diwakili peguam Jude Pereira.

Terdahulu, Pereira merayu anak guamnya diberikan hukuman ringan berbentuk denda atas alasan tertuduh anak tunggal yang membantu perniagaan kedai ubat tradisional milik bapanya dan sudah insaf selain itu adalah kesalahan pertama tertuduh.

Bagaimanapun, Izzudin Fakri memohon mahkamah memberi hukuman yang dapat memberi pengajaran kepada ter-


tuduh dan orang ramai.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara enam bulan dan denda RM2,500 terhadap Ming Hui, jika gagal membayar denda tambahan lima bulan penjara terhadap tertuduh. Tertuduh kemudian membayar denda.

Pereira kemudiannya memohon penggantungan pelaksanaan hukuman sementara rayuan namun mahkamah tidak membenarkan dan menetapkan tertuduh menjalani hukuman penjara bermula dia disabitkan bersalah, semalam.

Terdahulu, mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin selepas majistret berpuas hati dengan hujahan balas Izzudin Fakri terhadap rayuan Pereira.

Mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin



TAJUK : WANITA, TEMAN LELAKI DIREMAN TUJUH HARI

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 21 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

MAYAT BAYI DI TANDAS HOSPITAL

Wanita, teman lelaki direman tujuh hari

Tawau: Seorang wanita bersama teman lelakinya direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan penemuan mayat bayi lelaki yang disyaki baru dilahirkan di tandas sebuah hospital di sini, 14 Oktober lalu.

Perintah reman terhadap pasangan itu masing-masing berusia 24 dan 48 tahun itu dikeluarkan Majistret Dayang Aidaku Amira Aminuddin selepas membenarkan permohonan Pegawai Penyiasat Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau Inspektor Marcus Ambrose Nambu.

Permohonan reman itu dimohon mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah bagi membantu melengkapkan siasatan kes mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan dan Seksyen 302 kanun yang sama.

Media sebelum ini melaporkan penemuan mayat bayi lelaki dipercayai baru dilahirkan dalam pam tandas hospital di sini dengan keadaan mulut disumbat dengan tisu.


Mayat bayi lelaki yang cukup sifat itu ditemukan seorang pekerja pembersihan yang bertugas di hospital berkenaan kira-kira jam 7.10 pagi semasa sedang membuat kerja pembersihan di dalam dalam tandas itu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tawau Asisten Komisioner Jasmin Hussin berkata, kedua-dua suspek yang menetap di sebuah kampung dekat Muhibbah Raya di sini, ditahan sepasukan polis antara jam 11 pagi dan 2.55 petang kelmarin.

"Dengan tertangkapnya kedua-dua suspek itu, kita percaya dapat menyelesaikan kes ini," katanya.



PASANGAN kekasih direman bagi membantu siasatan susulan penemuan mayat bayi di tandas hospital.



TAJUK : LORRY DRIVER CLAIMS TRIAL TO RAPING STEPDAUGHTER

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 21 OKT 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

BAIL SET WITH STRICT RULES

LORRY DRIVER CLAIMS TRIAL TO RAPING STEPDAUGHTER

He faces 8 to 30 years' jail over alleged rape of minor on separate occasions

AUDREY DERMAWAN
BUTTERWORTH
news@nst.com.my

ALORRY driver was yesterday charged at the Sessions Court here with two counts of raping his underage stepdaughter in 2018 and 2019.

The 29-year-old claimed trial when the charges were read to him before judge Zulhazmi Abdullah.

On the first count, he was alleged to have raped his stepdaughter, who was aged 10 at the time, in a house in Kampung Bagan Buaya, Changkat, Nibong Tebal, about 11pm in December 2018. On the next count, he was alleged to have raped his stepdaughter at the same place in 2019.

He was charged under Section

376(3) of the Penal Code, which carries eight to 30 years' jail and no less than 10 strokes of the rotan upon conviction.

Deputy public prosecutor Wan Amira Ruzaini Wan Abdul Razak did not offer bail, saying the accused was believed to be living in the same house as the victim, who is now 15.

The accused, who was unrepresented, pleaded for bail.


"I have to look after my family, including my three children, aged 5 months to 3 years," he said.

Zulhazmi set bail at RM20,000 with one surety for both charges.

"The accused cannot go near or disturb the victim and prosecution witnesses until the end of the case.

"He must live separately from the victim," he said.

The judge fixed Nov 21 for case mention.



TAJUK :	SHOP ASSISTANT JAILED FINED OVER CHILD PORN		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	21 OKT 2023	M/SURAT :	13
STONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

19,000 IMAGES AND VIDEOS

Shop assistant jailed, fined over child porn

TELUK INTAN: A traditional medicine shop assistant was sentenced to six months' jail and fined RM2,500, in default five months' jail, for keeping more than 19,000 images and videos of child pornography.

Magistrate T. Ashvini meted out the sentence on Liew Ming Hui, 24, after he pleaded guilty at the magistrate's court here.

Liew was charged with possessing pornography and a pornographic video stored in a pen drive at a house in Jalan Besar,

RPA 2 Langkap, here, at 4.20pm on May 29.

He was charged under Section 10 of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which carries up to five years' jail or a fine not exceeding RM10,000 or both upon conviction.

Pleading for leniency, lawyer Jude Pereira said his client had been helping his father with his traditional medicine business and had repented and regretted his actions.

Deputy public prosecutor Iz-



Liew Ming Hui being escorted out of the Teluk Intan magistrate's court yesterday.
PIC BY MUHAMAD LOKMAN KHAIRI

zuddin Fakri Hamdan urged the court to mete out an appropriate sentence as a lesson to the accused and the public.

According to the facts of the case, on May 29, a police team raided the house and seized a laptop, a computer adapter and a

pen drive. Examination of the pen drive revealed 19,011 child pornographic documents and videos.



TAJUK : AUXILIARY POLICEMAN CLAIMS TRIAL TO OUTRAGING MODESTY OF 17-YEAR-OLD GIRL

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

